



UiTM@Media
2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

Pereka belakang tabir

Oleh Noor Azlina
Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Shah Alam

Pernahkah anda terfikir siapakah yang berada di sebalik rekaan barang kemas yang eksklusif, aksesori perhiasan dan perabot gaya kontemporari yang mengundang perhatian sesiapa sahaja yang melihatnya?

Pasti ramai yang tidak sedar, semua rekaan itu kebiasaannya adalah hasil cetusan idea individu yang memiliki kemahiran dan kelulusan dalam bidang seni reka logam kontemporari.

Timbalan Dekan (Penyeleidikan dan Jaringan Industri), Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Norfadilah Kamaruddin, berkata seni reka logam kontemporari ialah satu daripada cabang dalam bidang seni yang tidak begitu popular dan difahami oleh masyarakat negara ini.

Katanya, hal itu mungkin kerana tugas perekaanya yang sering berada di belakang tabir atau tidak berurusan secara langsung dengan pelanggan serta pihak luar.

Nilai tersendiri

“Saya bagi contoh, kita seronok melihat rekaan eksklusif barang kemas yang dipamerkan di kedai barang kemas terkemuka, tetapi kita tidak sedar bahawa perekanya memang memiliki kepakaran dalam bidang logam kontemporari.

“Perincian, nilai kreativiti dan ketelitian yang ditampilkan pada setiap rekaan menjadikan barang itu mempunyai nilai tersendiri sekali gus mampu menjadi keistimewaan dan keunikan

tersendiri kepada perekanya,” katanya.

Dr Norfadilah berkata, bidang seni reka logam kontemporari turut menjanjikan peluang kerjaya yang luas dan pelbagai.

Katanya, lulusan bidang berkenaan boleh memulakan kerjaya sebagai pereka barang kemas, pereka produk, perunding rekaan, petukang, pembuat model tiga dimensi, pemulihara bahan, pakar bahan, pensyarah, guru atau pakar gemologi (kajian batu permata).



Sebahagian hasil
rekaan pelajar
seni reka logam
kontemporari UiTM.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



**“BAHAN MENTAH
DIGUNAKAN BU-
KAN SAHAJA EMAS,
TETAPI JUGA BA-
HAN LAIN SEPERTI
BESI, PERAK, SERA-
MIK, DAWAI, BATU
PERHIASAN DAN
SEBAGAINYA”**

**Dr Norfadilah
Kamaruddin,**
Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Jaringan
Industri), FSSR UiTM

Jika tidak mahu bekerja makan gaji, katanya, ilmu, kepakaran dan kreativiti dimiliki membolehkan mereka menceburi bidang keusahawanan yang sudah pasti menjanjikan pulangan lumayan.

Kembang potensi

“UiTM adalah satu-satunya universiti awam yang menawarkan pengajian peringkat diploma dan sarjana muda dalam bidang logam kontemporari, selain beberapa institusi pendidikan tinggi swasta.

“Program ini direka dengan tujuan mengembangkan potensi, sekali gus membekalkan pelajar dengan kemahiran dan elemen keusahawanan berkaitan reka bentuk barang kemas serta produk logam.

“Bahan mentah digunakan bukan sahaja emas, tetapi juga bahan lain seperti besi, perak, seramik, dawai, batu perhiasan dan sebagainya,” katanya.

Dr Norfadilah berkata, pelajar didedahkan dengan kemahiran asas dalam seni dan reka bentuk produk logam seperti barang kemas, perhiasan ruang dalaman, objek-objek berfungsi, arca, piala dan aksesori perhiasan diri.



Pelajar menghasilkan **rekaan logam kontemporari** berdasarkan kreativiti sendiri.

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

